



**SUMBER DATA
KESIHATAN
MASYARAKAT**

*Mohd Azuraiddi bin
Harun*

Hasil Pembelajaran

Pelajar akan dapat

1. Menerangkan pengkelasan sumber data kesihatan masyarakat
2. Menjelaskan sistem banci
3. Menghuraikan komponen statistik vital
4. Menghuraikan sumber data kemorbidan
5. Mendefinisikan kesihatan awam, perubatan pencegahan
6. Menghuraikan skop kesihatan awam
7. Menghuraikan promosi kesihatan
8. Membincangkan pencegahan penyakit

PENGENALAN

- Sebarang informasi berkaitan kesihatan yang dikumpulkan berkenaan sekumpulan manusia boleh digunakan sebagai data untuk menerangkan **taburan** dan **penentu kesihatan**.
- Pengesahan lengkap dapat ditentukan melalui sistem tinjauan khas;
 - *Population – based data (data asas)*
 - *Health – event data (data peristiwa)*

Population – data asas

- Merupakan asas deskripsi yang tepat berkenaan status kesihatan populasi.
- Merupakan sumber utama , iaitu data yang diperlukan untuk mengira insiden & prevalen masalah kesihatan populasi.

Population – data asas

1) Bancian -

2) Statistik Vital

- Sijil kematian
- Sijil kelahiran
- Rekod morbiditi

- diselaraskan mengikut garis panduan antarabangsa.

BANCI

- Berasal dari perkataan Latin bermakna “untuk menganggar atau mentaksir”, bermaksud kiraan berkala atau pengangkaan populasi.
- Data bancian perlu untuk laporan tepat tentang taraf kesihatan populasi, kerana data berkenaan merupakan sumber utama untuk kadar penyakit dan kematian.

Banci

- Kebanyakan negara melakukan banci setiap 10 tahun

Maklumat banci;

- Nama, alamat, umur, jantina, kaum, taraf perkahwinan dan hubungan dengan ketua isi rumah, ciri perumahan -diperolehi dari semua ahli keluarga.

Banci

- Kaedah

1. de facto – pengagihan berdasarkan lokasi mereka semasa pengangkaan dibuat;
cthnya

seorang pekerja bermastautin di Kota Bharu tetapi bekerja di Kuala Terengganu, semasa bancian akan diagihkan kepada Kuala Terengganu.


2. de jure – pengagihan berdasarkan tempat kediaman mereka yang biasa;
cthnya

seorang pekerja bermastautin di Kota Bharu tetapi bekerja di Kuala Terengganu, semasa bancian akan diagihkan kepada Kota Bharu.

PENDUDUK MENGIKUT KUMPULAN UMUR POPULATION BY AGE GROUP

Penduduk
Population
(Juta / Million)

Penduduk
Population
(Juta / Million)



Statistik Vital

- Data yang dikumpul daripada pendaftaran seperti;
 - kelahiran & pengambilan anak angkat
 - Kematian & kematian fetus
 - Perkahwinan & penceraian
- Kajian epidemiologi biasanya berasaskan data kematian



Sijil Kelahiran

- Salah satu asas dalam sistem statistik vital
- Pengenalan yang penting adalah **warganegara**
- Sesetengah negara ada 2 bahagian
 - Bahagian pertama rekod awam terbuka (mengenal pasti kanak-kanak dan ibu bapanya).
 - Bahagian kedua maklumat untuk kegunaan perubatan dan kesihatan sahaja.

Sijil Kematian

- Penting untuk kajian epidemiologi
- Memberi maklumat tentang;
 - Umur
 - Jantina
 - Bangsa
 - Pekerjaan
 - Punca kematian

Sijil Kematian

- Kes Pemeriksa Perubatan dan Koroner
 - Doktor perubatan swasta tidak boleh melengkapkan sijil kematian jika kematian disebabkan;
 - Kemalangan
 - Disyaki pembunuhan atau bunuh diri
 - Mati mengejut (tidak di bawah jagaan seorang pengawas perubatan)
 - *Kes polis & insurans*
 - Perlu dilaporkan kepada suatu kuasa tempatan

Sijil Kematian

- Pemeriksa Perubatan
 - Seorang pegawai awam yang juga seorang doktor perubatan biasanya terlatih dalam bidang patologi forensik.
- Koroner
 - Seorang pegawai awam tetapi tidak semestinya seorang ahli patologi atau doktor perubatan.

Sijil kematian

- Penentuan punca kematian
 - Untuk kematian satu penyebab mestilah ditentukan pada sijil kematian
 - Mesti selaras dengan pengelasan antarabangsa (*International Statistical Classification of Diseases, Injuries and Causes of Death – ICD*),
 - disemak setiap 10 tahun untuk mencerminkan perkembangan perubatan dan perubahan profil masalah kesihatan.

Data Kemorbidan

- Morbiditi didefinisikan sebagai sebarang bentuk perubahan yang berlaku pada fisiologi dan psikologi samada dalam bentuk objektif atau subjektif.
- Sesetengah penyakit perlu dilaporkan atas arahan kerajaan.

Data Kemorbidan

- *The Centers for Disease Control (CDC)*, mengumpul data berkenaan penyakit yang telah dilaporkan dan memantau kesihatan populasi.
- Melalui servellan, CDC menyiasat banyak keadaan – persekitaran yang berisiko tinggi terhadap penyakit, kemungkinan boleh dicegah.

Jenis-Jenis Pengawasan/Surveillance

1. Mandatory Notifications (Notifikasi wajib)
2. Laboratory Based Surveilance
(Notifikasi berdasarkan keputusan makmal)
3. Clinical Based Surveilance
(Notifikasi berdasarkan ciri-ciri klinikal)
4. Community Based Surveilance•
(Pengawasan berdasarkan komuniti)
(khabar angin, media)
5. Jabatan Perkhidmatan Veterinar
 - Zoonosis

Mandatory Notification Infectious Disease Notification

- Malaysia – bermula 1967
- Program Pembasmian Malaria
- 1970an – pengawasan/surveillance 36 pykt
- Seksyen 10(2) Act 342:
- Prevention & Control of Infectious Disease Act 1988.
- 27 infectious diseases – within 24 hrs/1 week.

Mandatory Notification

Infectious Disease Notification

- Setiap pengamal perubatan mesti laporkan ke Pejabat Kesihatan Daerah
- Denda akan dikenakan jika gagal melaporkan
- Notifikasi – phone & form – fax/post/by hand – Manual System

Notifikasi Penyakit Berjangkit di bawah Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342)

1. Demam Denggi
2. Demam Denggi Berdarah
3. Keracunan Makanan
4. Chancroid
5. Tifus & Ricketsioses
6. Kolera
7. Kusta
8. Tuberkulosis
9. Demam Kuning
10. Rabies
11. Malaria
12. Viral
13. Ensefalitis
14. Akut Poliomyelitis
15. Plague
16. Jangkitan Gonococcal
17. Viral Hepatitis
18. Ebola
19. Difteria
20. Disentri
21. HIV/AIDS
22. Demam Campak
23. Batuk Kokol
24. Tetanus
25. HFMD
26. Tifoid
27. Relapsing Fever
28. Siflis
29. Apa-apa jangkitan mikrobial lain yang mengancam nyawa

Survelan Makmal (Laboratory-base Survelance)

meliputi pemantauan makmal bagi organisma:-

- *Haemophilus influenza type b*
- *Salmonella typhi*
- *Salmonella sp*
- *Neisseria meningitidis*
- *Vibrio cholerae*
- *Leptospira.*

Health-Event Data

- Bermula dari usaha John Graunt tahun 1662, rekod peristiwa vital seperti kelahiran & kematian merupakan punca informasi utama berkenaan kesihatan populasi.
- Statistik mortaliti dikumpulkan dari informasi yang tercatat dalam sijil kematian untuk tujuan kesihatan awam, dipecahkan ikut;
 - umur, jantina, etnik, penyebab dan diskripsi lain seperti orang, tempat dan masa.

Health-Event Data

- Data lain berkaitan kesehatan;
 - Rekod hospital
 - Rekod pakar perubatan swasta
 - Data daripada program insurans
 - Rancangan kesihatan industri
 - Rekod sekolah

Rekod kesihatan berhubung kait

- Sumber data yang dibincangkan
 - rekod tak lengkap
- Perlu dihubung kait antara sumber data;
cth. Rekod kelahiran berhubung kait dengan rekod kematian untuk bayi yang mati dalam masa beberapa tahun selepas kelahiran.



Kesehatan awam

Definisi;

Gabungan sains, kemahiran praktikal, dan kepercayaan yang berhasrat untuk mengekalkan serta memperbaiki kesihatan masyarakat.

- Merupakan 1 usaha masyarakat untuk melindungi, menggalak, serta mengekalkan kesihatan masyarakat melalui tindakan bersepadu atau sosial.

Skop Kesihatan Awam

- i) Persekitaran yang selamat
- ii) Peningkatan keimunan
- iii) Tingkah laku
- iv) Pemakanan
- v) Kanak-kanak yang lahir sempurna
- vi) Penjagaan kesihatan secara bijaksana

i)Persekitaran yang selamat

- Revolusi sanitasi kurun ke-19 – satu langkah penting bagi sebuah masyarakat bertamadun membaiki kesihatan.
- Peningkatan ekonomi – rumah selesa, keluarga kecil – menurunkan kadar kematian kanak-kanak akibat penyakit respiratori & penyakit serius.

ii)Peningkatan keimunan


- Imunisasi bayi
- Imunisasi adalah satu cara yang paling berkesan dalam mengawal penyakit-penyakit berjangkit seperti difteria, pertussis (batuk kokol), tetanus (kancing gigi), polio, tibi, hepatitis B, measles, mumps, rubella dll
- Imunisasi merupakan satu proses pembentukan imuniti atau perlindungan kepada individu melalui penggunaan vaksin.

iii) Tingkah laku

- Rujuk penentu sosial & tingkah laku kesihatan

iv)Pemakanan

- Piramid pemakanan



iv) Pemakanan

- Kurang pemakanan mengurangkan daya ketahanan terhadap infeksi
- Lebih pemakanan – penyakit gaya hidup
- Kajian ke atas kumpulan yang amalkan pantang larang pemakanan cth; kumpulan agama yg melarang makan daging, minum kopi, teh & alkohol, tembakau – alami kadar mortaliti & morbiditi rendah terhadap kanser & jantung koronari

v)Kanak-kanak yang lahir sempurna

- *Penjagaan pranatal yang baik*
 - Perhatian terhadap kesihatan & status pemakanan ibu
 - elakkan pendedahan fetus yang sedang membesar daripada bahan toksik, ubatan, tembakau, alkohol
- *Kaunseling genetik*
 - Cth talasemia, elakkan pencantuman benih yang mungkin menghasilkan bayi yg menghidapi penyakit keturunan.

vi)Penjagaan kesihatan secara bijaksana

- Pencegahan bahaya berhubung kait dengan perkhidmatan kesihatan perlukan agar pendidikan profesional perubatan dan kesihatan fikir secara logik, rasional dan kritikan.

5 minutes break



PROMOSI KESIHATAN, PENCEGAHAN PENYAKIT:OBJEKTIF UNTUK NEGARA

- **Perkhidmatan Kesihatan Pencegahan**
 - Kawalan Tekanan Darah Tinggi
 - Perancangan Keluarga
 - Kesihatan Kandungan Bayi
 - Pengimunan
 - Penyakit jangkitan seks
- **Perlindungan Kesihatan**
 - Kawalan agen toksik
 - Keselamatan kesihatan pekerjaan
 - Pencegahan Kemalangan dan Kawalan Kecederaan
 - Pemfluoridaan dan Kesihatan gigi

Matlamat Pembangunan Milenium @ Millennium Development Goals (MDGs):

- MDG 1: Membasmi kemiskinan dan kelaparan;
- MDG 2: Mencapai pendidikan rendah yang universal;
- MDG 3: Meningkatkan kesaksamaan gender dan memperkasakan wanita;
- **MDG 4: Mengurangkan mortaliti kanak-kanak;**
- **MDG 5: Memperbaiki kesihatan ibu bersalin;**
- **MDG 6: Mencegah HIV/AIDS, malaria dan lain-lain penyakit;**
- MDG 7: Memastikan alam sekitar yang mapan;
- MDG 8: Mewujudkan perkongsian global untuk pembangunan.

Tahap Pencegahan

- Pencegahan adalah perencat perkembangan penyakit sebelum penyakit tersebut berlaku
 - Pencegahan Primer
 - Pencegahan Sekunder
 - Pencegahan Tertier

Tahap Pencegahan

- Pencegahan Primer
 - i) Memajukan kesehatan umum
 - menyediakan keadaan di rumah, tempat kerja, sekolah, sediakan pemakanan yang baik, tempat tinggal dan pusat rekreasi
 - pendidikan kesehatan, pendidikan seks
 - i) Langkah-langkah perlindungan spesifik
 - imunisasi
 - bekalan air bersih
 - kebersihan alam sekitar

Tahap Pencegahan

- Pencegahan sekunder
 - Mengesan di peringkat awal dan menyegerakan rawatan penyakit
 - Kemungkinan menyembuhkan atau melambatkan perebakan penyakit, mencegah komplikasi, menghadkan kehilangan upaya, hentikan jangkitan
 - Dalam komuniti, rawatan awal terhadap pesakit (penyakit berinfeksi) dapat melindungi individu lain.

Tahap Pencegahan

- Pencegahan tertier
 - Batasan kehilangan upaya
 - Fisioterapi awal ke atas anggota yang cedera bagi mengembalikan pergerakan dan mencegah kontraktur.
 - Pemulihan apabila penyakit telah berlaku dan meninggalkan kecederaan
 - Percubaan untuk mengembalikan individu yg terjejas (cedera) sebagai seorang yang berguna, yakin dan jika boleh, mampu memainkan peranan dalam masyarakat.

